

TEKS UCAPAN YBHG. DATO' YANG DIPERTUA

SEMPENA

PERHIMPUNAN KORPORAT

4 MAC 2015 (RABU), JAM 8:45 PAGI

.....

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Kerja MPSP

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam
Sejahtera,

Pertamanya, syukur kehadrat llahi kerana dengan limpah kurnianya dapatlah kita berkumpul pada hari ini bagi Perhimpunan Korporat pertama untuk tahun 2015.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebelum meneruskan lagi perhimpunan kita pada hari ini, tidak terlewat kiranya untuk saya memperkenalkan barisan Ahli Majlis yang baru menyertai MPSP iaitu Encik Amir bin Md Ghazali, Tuan Haji Dahalan bin Fazil, Encik Mohd Sharmizan bin Haji Mohamad Nor, Pn. Siti Nur Shazreen Binti Mohd Jilani, Encik Tiagarajen A/L Annamalai dan Encik Zaini Bin Awang.

Saya juga mengucapkan tahniah sekali lagi kepada warga kerja Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014 pada 2 Mac 2015, Isnin yang lalu. Penghargaan diberikan kerana mereka telah menunjukkan prestasi dan juga berkhidmat dengan cemerlang pada tahun 2014. Selain itu, mereka juga telah berjaya menunjukkan prestasi kerja yang mencapai tahap yang dihasratkan oleh ketua jabatan dan bahagian masing-masing. Semoga semua penerima anugerah ini dan juga warga kerja yang lain yang dikasih sekalian akan terus komited dan terus meningkatkan prestasi kerja masing-masing demi menaikkan lagi imej dan kredibiliti Majlis Perbandaran Seberang Perai, menyemarakkan lagi semangat semua warga Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk bekerja dengan lebih gigih dan bersungguh-sungguh lagi bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus yang baik mengikut dasar kualiti Majlis Perbandaran Seberang Perai. Semoga pencapaian ini menjadi batu loncatan

dan juga pembakar semangat kepada seluruh warga kerja untuk mengharumkan lagi nama MPSP.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

FOKUS 2015

Pada tahun 2014, MPSP telah membentuk Pelan Strategi Lima Tahun MPSP 2014-2018, Fokus MPSP 2015 adalah kesinambungan dari Fokus MPSP 2014. Fokus ini merupakan pelan perancangan tahunan MPSP yang diterjemahkan dari Pelan Strategi Lima (5) Tahun MPSP. Ianya satu tindakan jangka pendek yang dirangka bagi memastikan pelan strategi MPSP dicapai menjelang 2018 nanti. Fokus 2015 mempunyai 9 fokus strategi, 44 program dan 129 aktiviti seperti berikut:

BILANGAN PROGRAM DAN PELAN TINDAKAN UNTUK FOKUS MPSP TAHUN 2015

Fokus	Bilangan Program	Bilangan Aktiviti
Kebersihan	5	14
Keselamatan dan Lalulintas	2	4
Penguatkuasaan Undang - Undang	6	28

Kawalan Banjir	1	6
Pengindahan, Kehijauan dan kemudahan Awam	5	10
Penglibatan Komuniti	4	17
Pembinaan Kapasiti	2	5
Pengurusan Fiskal	9	14
Kecekapan Proses Kerja	10	31
JUMLAH	44	129

1. PENTADBIRAN

(i) PERJAWATAN

Untuk makluman semua, sepanjang tahun 2014, Majlis telah mengambil kakitangan baru seramai 1276 orang.

PENGAMBILAN KAKITANGAN TAHUN 2014

KUMPULAN	BILANGAN
Pengurusan & Profesional (P&P) (Gred 41 keatas)	7
Sokongan 1 (Gred 27- Gred 40)	67
Sokongan 2 (Gred 1 hingga 26)	1202
Jumlah	1276

Sehingga Februari 2015, satu (1) pelantikan telah dibuat bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi melancarkan pentadbiran Majlis.

Kita sebagai kakitangan MPSP haruslah bekerja berpasukan (teamwork) dan tidak boleh mempunyai *silo mentality*. Pegawai yang bertanggungjawab

dalam projek-projek perlu membuat pemantauan terhadap projek tersebut, kontraktor sebelum pembayaran dibuat. Pemantauan kakitangan perlu dibuat supaya sentiasa mematuhi SOP dan garis panduan. Kakitangan juga perlu memahami fungsi setiap bahagian dalam jabatan dan mempunyai *multi skill* yang dikongsi bersama melalui *on job training*.

ii) DISIPLIN

Pada tahun 2014, MPSP telah mengambil tindakan terhadap 28 kes, dan dimana 23 tindakan iaitu (82%) adalah kerana ketidakhadiran bertugas tanpa sebab. Manakala pada tahun 2015, sebanyak 3 kes telah diambil tindakan dan ketiga-tiga kes adalah ketidakhadiran bertugas.

JENIS HUKUMAN TATATERTIB YANG DIKENAKAN **DARI BAGI TAHUN 2014 DAN 2015**

	JENIS HUKUMAN TATATERTIB	2014	2015
	Amaran	2	-
	Denda	1	-
	Lucuthak emolumen	1	-
	Tangguh pergerakan gaji	7	2
	Turun gaji	3	-
	Turun pangkat	-	-
	Buang Kerja	14	1
	Warta	-	-
JUMLAH		28	3

**BILANGAN KAKITANGAN KONTRAK YANG DITAMATKAN PERKHIDMTAN/
KONTRAK TIDAK DIPERBAHARUI BAGI TAHUN 2014 DAN 2015**

	2014	2015
Penamatan Perkhidmatan Pekerja Kontrak	111	21
JUMLAH	111	21

Saya menyeru semua kakitangan supaya bekerja dengan penuh dedikasi, cekap, akauntabiliti dan telus dalam melaksanakan tugas. Saya ada menerima aduan dari Ahli Majlis dan orang awam bahawa kakitangan MPSP tidak menjalankan tugas dengan baik, ponteng kerja atau kerja tidak mengikut SOP. Jikalau kita boleh pastikan sampah, longkang, rumput dan lampu jalan diselenggara dengan baik, pasti MPSP akan cemerlang.

Pada tahun 2014, sebanyak 1754 pelan pembangunan telah dikemukakan kepada MPSP dan 1652 pelan pembangunan telah diselesaikan iaitu bersamaan 94.18%. Batu Kawan adalah merupakan satu kawasan pembangunan yang pesat dengan cadangan pembangunan rumah mampu milik oleh PDC, pembangunan komersial seperti IKEA, *industrial park* dan pembangunan bercampur oleh Temasik Holding, Pusat Pendidikan oleh University Hull dan KDU. Pembangunan ini adalah pembangunan eco-city. Manakala di SPT dan SPU, terdapat juga pembangunan seperti Penang Sentral, Undersea Tunnel, pembangunan bercampur oleh pihak swasta. Oleh itu, semua kakitangan haruslah bersedia untuk memberi perkhidmatan yang terbaik bertaraf antarabangsa.

2. KEWANGAN

Pelbagai langkah dan usaha diambil oleh pihak MPSP untuk meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kos.

Untuk makluman, bajet pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

Pendapatan : RM 213,388,684

Perbelanjaan : RM 243,836,559

Defisit : (RM 30,447,875)

- Prestasi kutipan Program Promosi Cabutan Bertuah 2015 adalah seperti berikut: -

TAHUN	2013	2014
AMAUN (RM)	20,282,331.34	38,535,496.44
BILANGAN TRANSAKSI	77,667	112,190
BILANGAN YANG LAYAK	25,755	37,443

- Target hasil MPSP pada akhir tahun

Sasaran kutipan hasil MPSP untuk tahun 2015 adalah RM213.39 juta.

- Saranan/harapan kepada kakitangan bagi penjimatan dan tingkatkan hasil serta pencapaian target adalah seperti berikut: -

(i) Kakitangan MPSP hendaklah mengkaji dan melihat kembali prosedur kerja di jabatan bagi mengelakkan ketirisan pendapatan dan pembaziran perbelanjaan berlaku. Ini bagi

memastikan setiap penyampaian perkhidmatan yang diberi menepati kehendak dan ekspektasi penduduk Seberang Perai.

- (ii) Kawalan perbelanjaan juga perlu dibuat bagi memastikan pembayaran untuk bekalan dan perkhidmatan yang diperolehi adalah ‘*value for money*’ dan perkhidmatan yang diperolehi berbentuk *outcome based*’. Sebagai contoh, kontraktor yang memberi perkhidmatan pembersihan parit monsun, kontraktor projek tebatan banjir dan lain-lain dipantau. SOP pemantauan hendaklah dikaji semula dan dibuat penambahbaikan.
- (iii) Selain itu, jabatan juga perlu mengimbangi dan membuat perbandingan keperluan (*needs*) dan *out-come* yang maksimum sebelum perolehan atau perbelanjaan dibuat.
- (iv) Di samping itu, cadangan menjana hasil-hasil baru yang kreatif dan inovatif juga perlu bagi meningkatkan hasil MPSP agar pembangunan di Seberang Perai dapat direalisasikan.

- (C) Jenis perbelanjaan ketara yang memberi impak kepada kewangan dan boleh dikawal seperti jenis-jenis perbelanjaan yang boleh dikawal dan memberi impak kepada kewangan MPSP adalah seperti berikut: -

- (i) Pemantauan yang rapi dengan pengurangan utiliti seperti elektrik dan air untuk harta-harta Majlis seperti di dewan, kompleks makanan dan pasar awam perlu dilaksanakan bagi mengelakkan peningkatan pembayaran bil utiliti akibat penggunaan elektrik dan air yang berlebihan serta kebocoran atau pemasangan haram samaada penyambungan elektrik yang dibuat oleh pihak tidak bertanggungjawab.
- (ii) Jumlah kakitangan MPSP adalah seramai 4,111 orang. Oleh itu, tuntutan elaun lebih masa dan perjalanan hendaklah dibuat berdasarkan kerja-kerja yang mustahak dan dengan arahan dan kelulusan Ketua Jabatan sahaja. Ketua Jabatan hendaklah memastikan kerja-kerja lebih masa ini dipantau dengan rapi dan memastikan elaun kerja lebih masa hanya diluluskan jika kerja-kerja tambahan ini tidak dapat dilaksanakan pada waktu bekerja biasa.
- (iii) Semua jabatan perlu lebih kreatif dan inovatif untuk mencari punca hasil yang baru dan cara sesuai untuk mengurangkan kos penyampaian perkhidmatan.

3. PEMBERSIHAN

Staff dan Kenderaan

Pemantauan oleh IK, IKK, dan PKA perlu dibuat dengan berkesan supaya tidak terjadi kesilapan memberi maklum balas dan memastikan maklumat perlu betul dan tepat bagi mengelak tohmahan dari masyarakat.

Perkhidmatan Pembersihan dipantau oleh 8 orang IK, 80 mandor (1:10), 35 orang PKA.

Pada tahun ini, 39 buah lori jenis tipper akan ditambah di 39 zon kawasan seluruh Seberang Perai untuk melincinkan kerja-kerja pembersihan. Pembelian ini akan menambah aset lori jenis tipper MPSP yang sebelum ini berjumlah 28 buah menjadikan 67 buah keseluruhannya.

Penambahan pengambilan pekerja am baru seramai 39 orang akan dibuat. daripada jumlah keseluruhan pekerja am sedia ada 2469 orang kepada 2508 orang. Penambahan ini diluluskan supaya Majlis dapat memberikan perkhidmatan yang lebih efisyen kepada warga Seberang Perai.

Walaubagaimanapun, penambahan kakitangan dan kenderaan ini tidak akan dapat memberikan perubahan sekiranya pekerja tidak bekerja dengan baik dan mengikut SOP serta sikap masyarakat Seberang Perai yang masih lagi melakukan perkara-perkara perbuatan seperti membuang sampah di

dalam longkang dan di luar tong sampah, membakar tong sampah milik Majlis, membuang sisa-sisa pembinaan di lokasi-lokasi haram dan lain-lain lagi.

Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab semua rakyat di Seberang Perai dan kakitangan MPSP untuk membantu memberi maklumat dan informasi penting ini kepada keluarga, sanak saudara, rakan-rakan dan jiran tetangga masing-masing agar perubahan sikap dan amalan kebiasaan masyarakat dapat diubah.

Hanya dengan cara inilah kita dapat memastikan Seberang Perai dapat mencapai tahap kebersihan dan keselesaan yang tinggi untuk didiami dan sekaligus meningkatkan mutu kehidupan masyarakat Seberang Perai.

Gotong-Royong

Gotong Royong Perdana 2015 yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri secara serentak di 20 lokasi di Seberang Perai secara tidak langsung tahap kesedaran penduduk Seberang Perai dapat ditingkatnya. Majlis Perbandaran telah menyediakan seramai 940 orang kakitangan berserta peralatan pada hari tersebut. Majlis juga telah menyediakan peralatan jentera seperti tong ro-ro, *tipper*, *open truck*, *backhoe*, *grabber crane* dan *water jet* bagi menjayakan program tersebut.

Gotong-royong yang dijalankan oleh penduduk perlu menerapkan program kitar semula bagi mengasingkan sisa yang boleh dikitar semula dan hanya sisa yang tidak boleh dikitar semula sahaja dihantar ke tapak pelupusan. Hasil daripada gotong-royong bukan sahaja akan dapat membersihkan kawasan malah ianya dapat menjimatkan kos pengurusan sisa pepejal.

Gotong Royong Perdana yang telah diadakan diharap sebagai pencetus kepada langkah pencegahan bagi menghentikan penularan jangkitan kes denggi yang semakin meningkat. Selain dari itu, operasi pemeriksaan tapak-tapak pembinaan, aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan seperti ceramah dan aktiviti penguatkuasaan ke atas premis-premis yang membiak nyamuk aedes hendaklah ditingkatkan.

Penguatkuasaan boleh dijalankan bersama Jabatan Kesihatan Negeri kerana mereka boleh mengeluarkan kompoun kepada pemilik premis yang tidak menjaga kebersihan (terdapat lava nyamuk aedes).

Berikut adalah kawasan yang terlibat dalam Gotong-royong Perdana:

DAERAH/LOKASI	KAKITANGAN MPSP	LAIN-LAIN KAKITANGAN KERAJAAN	BILANGAN PENDUDUK
SEBERANG PERAI UTARA			
1. TAMAN MESRA	45	25	35
2. KAMPUNG GAJAH	46	20	16

	3. PANGSAPURI BAYU BAGAN JERMAL	115	35	37
	4. TAMAN SELESA TASEK GELUGOR	45	15	55
	5. SURAU KAMPUNG PERLIS	50	18	30
		<hr/> 301	<hr/> 113	<hr/> 173
<ul style="list-style-type: none"> Jumlah kakitangan kerajaan yang hadir adalah seramai 414 orang berbanding 173 penduduk setempat. 				
SEBERANG PERAI TENGAH				
1. TUNA DAN TENGGIRI, SEBERANG JAYA	79	28	24	
2. TAMAN DESA DAMAI	34	22	36	
3. TAMAN INDERAWASIH	24	20	26	
4. TAMAN MACHANG BUBUK	42	23	38	
5. JALAN BARU PRAI	66	16	6	
6. DEWAN SERBAGUNA TAMAN CHAI LENG	33	15	27	
7. TAMAN SERI JANGGUS	67	25	30	
8. TAMAN PELANGI	37	33	33	
9. KAMPUNG JANGGUS SEMPADAN TAMAN SERI JANGGUS	45	20	22	
	<hr/> 427	<hr/> 202	<hr/> 242	
<ul style="list-style-type: none"> Jumlah kakitangan kerajaan yang hadir adalah seramai 629 orang berbanding 242 penduduk setempat. 				

SEBERANG PERAI SELATAN			
1. KAMPUNG KUALA SUNGAI UDANG	46	24	34
2. BANDAR TASEK MUTIARA	34	19	20
3. TAMAN PUTRI GUNUNG	53	19	29
4. TAMAN CENDERAWASIH	43	20	30
5. PERKAMPUNGAN JAWI	37	20	30
	<hr/> 213	<hr/> 102	<hr/> 143
<ul style="list-style-type: none"> Jumlah kakitangan kerajaan yang hadir adalah seramai 315 orang berbanding 143 penduduk setempat. 			
JUMLAH Jumlah kakitangan kerajaan yang hadir diketiga-tiga daerah adalah adalah seramai 1170 orang berbanding 558 penduduk setempat.	940	417	558

4. PUBLIC SPACES / LANDSKAP

Semasa menghadiri *The Regional Public Space Conference (LCP-UN-Habitat)* pada 26 Februari hingga 1 Mac 2015 di Manila, Filipina bersama Encik Shahrony Bin Md Yusoff @ Jamaluddin, Ketua Jabatan Lanskap dan Encik Mohd Ridzal Bin Abdul, Penolong Pengarah Kanan Perancang Bandar rata-rata Datuk Bandar yang hadir mengutarakan pentingnya *Public Space*.

Fokus MPSP dalam konteks Lanskap adalah mengadakan projek lanskap dan program-program selain daripada kerja rutin harian. Selain daripada itu, kita perlu merancang untuk mengadakan *Public Spaces* di bangunan-bangunan milik MPSP. Kesemua ini memerlukan kerjasama daripada peringkat bawahan hingga atasan.

Dalam UN-Habitat Global Public Space telah mensasarkan 30% dari keluasan bandar (city) untuk dijadikan kawasan awam / lapang.

Program-program di Seberang Perai bersama komuniti perlu diperbanyakkan di *Public Space*. Dengan cara ini, masyarakat akan mempunyai *sense of belongings* dan akan mengurangkan vandalisme. *Public Spaces* akan menjadi *New Urban Agenda oleh UN-Habitat III* yang akan dibincangkan di Kyoto 2016 nanti.

5.LA 21

Bagi tahun 2015, aktiviti mesra alam akan teruskan oleh pasukan LA21. Banyak program telah dirancang sehingga bulan Jun 2015 seperti Anugerah Sekolah Hijau, Pertandingan Pengumpulan Barang Kitar Semula bersama Infitech Machinery Sdn Bhd, Pertandingan Pengumpulan Kotak Minuman bersama Tetra Pak Malaysia, Bengkel Sekolah Hijau, Bengkel Kitar Semula Sekolah Tadika dan Pertandingan Poster Kempen Makan Sampai Habis

kesemua aktiviti ini adalah diperingkat sekolah. Kebanyakan program diadakan disekolah kerana minda pelajar mudah diasuh. Mereka juga boleh menyampaikan kepada keluarga mereka apa yang dipelajari mengenai amalan kitar semula. Walaubagaimanapun MPSP akan mengadakan program bersama komuniti juga seperti Perkomposan Bersama Komuniti. Untuk Kempen Makan Sampai Habis, roadshow bersama Syarikat XOX akan diadakan untuk mempromosikan kempen tersebut kepada orang ramai. Projek komuniti ditumpukan untuk pendidikan/ pengetahuan kepada komuniti tentang perkhidmatan MPSP bersama dengan Ahli Majlis dan JKKK serta ADUN dan Ahli Parlimen.

6.ADUAN

Untuk makluman semua, pada tahun 2014 Bahagian Pengaduan Awam MPSP telah menerima sebanyak 12632 aduan, 11964 aduan telah diselesaikan dan 668 masih dalam tindakan. Manakala sebanyak 3,037 kes telah diterima melalui MPSP Watch dan semua aduan telah diselesaikan. Saya menyeru semua PIC yang terlibat supaya mengambil tindakan mengikut piagam yang telah ditetapkan di jabatan masing-masing tidak kira aduan itu melalui saluran mana sekalipun. Tahun 2015 sehingga 28 Februari, Majlis telah menerima sebanyak 2122 aduan, 68% telah selesai dan 32% masih dalam tindakan. Ini menunjukkan tindakan yang diambil oleh jabatan adalah agak lambat. Untuk menjadikan perkhidmatan MPSP bertaraf antarabangsa, kita

hendaklah bertindak segera apabila mendapat maklumbalas dari stakeholder kerana maklumbalas yang diberikan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan MPSP.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya ingin mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan semua bahawa penggunaan tenaga elektrik di Bangunan Ibu Pejabat belum mencapai sasaran penjimatan yang ditetapkan iaitu 3%. Setakat ini, peratusan penjimatan yang dicapai adalah 2.9% sahaja.

Pelbagai cara boleh dilaksanakan dalam melaksanakan amalan penjimatan tenaga ini, antaranya menutup semua punca kuasa apabila tidak digunakan. Contohnya, suis komputer dan printer, suis mesin fotostat dan lain-lain yang berkaitan. Selain itu saya juga mengalu-alukan cadangan untuk penjimatan tenaga dari kakitangan semua.

7.PROGRAM ANTARABANGSA TERKINI DAN AKAN DATANG

TERKINI

MPSP telah menghantar Encik Nadhir Bin Abdul Aziz, Penolong Pengarah Perancang Bandar sebagai peserta ke *ICLEI – Resilient Cities Asia Pacific 2015 Congress* di Bangkok, Thailand pada 10 hingga 13 Februari 2015.

YBhg. Dato' Yang Dipertua telah dijemput sebagai Ahli Panel di dalam Mayor's Forum oleh UN-Habitat & LCP. Manakala Encik Shahrony Bin Md Yusoff @ Jamaluddin, Ketua Jabatan Landskap dan Encik Mohd Ridzal Bin Abdul, Penolong Pengarah Kanan Perancang Bandar juga telah menghadiri *The Regional Public Space Conference (LCP-UN-Habitat)* pada 26 Februari hingga 1 Mac 2015 di Manila, Filipina dimana penginapan mereka ditaja oleh penganjur

AKAN DATANG

Disamping itu, MPSP juga telah menerima beberapa jemputan ke luar negara seperti jemputan untuk Menandatangani MOU bagi Environmental Policy Exchange Program (MOU) bersama dengan Seoul Metropolitan Government semasa ICLEI World Congress pada 8-12 April di Seoul, Korea. Disamping itu, Cik Nadia Faradila binti Jalawi telah lulus dalam temuduga bagi Program Young Southeast Asian Leaders Initiative (YSEALI) Legislative Process and Governance Professional Fellows Program International City/Country Management Association (ICMA) yang akan diadakan di Washington D.C, USA mulai 29 April 2015 hingga 5 Jun 2015. Bagi program yang akan dihadiri oleh Cik Nadia ini, permohonan untuk sesi kedua telah dibuka dan tarikh tutup permohonan adalah 15 April 2015. Oleh itu, saya menyeru kepada semua pegawai supaya menyahut cabaran ini. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, program ini akan mengambil masa selama sebulan dan semua perbelanjaan ini akan ditanggung oleh penganjur.

Disamping itu peserta juga akan diberi elaun bulanan sebanyak USD1500.00.

Untuk makluman, Tuan Setiausaha Perbandaran telah dijemput sebagai pembentang kertas kerja bertajuk *Engaging Citizens in Public Service Delivery: Bottom-up Approach of Local e-Government Initiatives* di *The Jeju Forum Peace and Prosperity* di Pulau Jeju, Korea pada 19 hingga 23 Mei 2015. Semua perbelanjaan akan ditanggung oleh penganjur.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.